



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**

Tujuan berkerjaya

(bahagian akhir)

Pada ruangan ini saya menyambung perbincangan keluaran lepas mengenai tujuan berkerjaya. Kali ini akan disentuh mengenai faktor sokongan moral, identiti dan harga diri, mencari kedudukan, memberi sumbangan serta memenuhi tuntutan agama.

Sokongan sosial

Setiap pekerjaan akan mempertemukan pelajar dengan individu-individu yang memiliki pelbagai latar belakang, sama ada dalam bidang kepakaran yang sama atau bidang hidup.

Lazimnya, organisasi yang menyediakan pekerjaan juga menyediakan perhubungan atau sokongan sosial secara tidak rasmi. Di tempat kerjalah setiap pekerja mengenali staf lain yang kemudiannya menjadi rakan karib atau mungkin bakal menjadi pasangan hidup.

Persekitaran kerja yang sihat pada kebiasaannya menyediakan suasana yang mesra, bertolak ansur dan bantu-membantu di antara rakan sekerja. Dengan adanya suasana seperti ini memberi sokongan sosial dan emosi kepada setiap pekerja sama ada pegawai atau staf sokongan.

Identiti dan harga diri

Tidak dinafikan bahawa pekerjaan yang diceburi akan membentuk identiti seseorang. Pelajar mungkin sudah biasa mendengar perbualan seperti berikut: "Siapakah orang tu?" "Beliau ialah guru saya ketika belajar di sekolah menengah dulu."

Dialog seperti ini adalah lumrah dalam kalangan masyarakat kita yang menggunakan pekerjaan sebagai lambang identiti seseorang individu. Begitu juga apabila graduan bertemu dengan kenalan baru. Biasanya, antara soalan yang diajukan ialah mengenai tentang tempat mereka bekerja.

Keadaan ini juga menunjukkan bahawa pekerjaan mengkategorikan individu dimiliki oleh kumpulan atau organisasi tertentu. Selain itu, persekitaran kerja yang

kondusif dan positif membuatkan pekerja berasa dimiliki atau dipunyai oleh kumpulan tertentu yang kadangkala dianggap sebagai sebuah keluarga yang besar.

Kepuasan dalam pekerjaan juga berkait rapat dengan peningkatan nilai harga diri seseorang individu.

Mencari kedudukan

Faktor ini dilihat menjadi penyebab mengapa seseorang itu perlu bekerja. Pekerjaan yang dilakukan dilihat amat penting dan mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Misalnya, masyarakat memandang tinggi kepada individu yang bekerja sebagai doktor, jurutera, peguam atau usahawan.

Amir Awang (1983) berpendapat pemilihan kerjaya penting kerana dapat menentukan taraf dan kedudukan seseorang dalam strata kehidupan bermasyarakat. Taraf

ini pada mata masyarakat ada nilai taranya dan akan memberi kesan ke atas nilai, sikap dan gaya hidup seseorang pekerja.

Memberi sumbangan

Antara tujuan bekerja ialah memberi sumbangan kepada negara termasuk meningkatkan produktiviti, kemajuan dan kemakmuran negara tanpa mengira apa jenis pekerjaan yang diceburi.

Sama ada seseorang itu bekerja sebagai eksekutif, pengurus, jurutera, pensyarah, pegawai, guru, tentera, polis, jururawat, pemandu teksi atau petani, semuanya memberi sumbangan kepada negara.

Bayangkan jika tidak ada anggota polis dan tentera sudah tentu negara kita tidak aman dan tenteram. Fikirkan juga tidak ada pensyarah dan guru, siapakah yang akan mendidik dan

mengajar pelajar sekolah dan universiti.

Tanpa petani, bagaimana mungkin untuk kita memperoleh dan membeli beras untuk dimakan. Dengan bekerja membolehkan setiap individu memberi sumbangan dalam bentuk cukai pendapatan dan/atau zakat (pekerja Islam) bagi membantu dan membangunkan masyarakat dan memajukan negara.

Ringkasnya, apapun pekerjaan yang dilakukan matlamatnya ialah untuk memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Memenuhi tuntutan agama

Agama Islam dan ajaran lain menuntut penganut masing-masing supaya bekerja dan mencari rezeki di atas bumi ini bagi meneruskan kehidupan. Bekerja itu adalah satu ibadat. Allah SWT amat suka kepada makhluk-Nya

yang bekerja dan tidak suka kepada mereka yang menganggur. "Tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima".

Dengan bekerja dan mempunyai wang bakal graduan dan graduan berupaya untuk memberi sumbangan dan hadiah kepada orang lain yang memerlukan, di samping boleh berbelanja ke jalan Allah SWT seperti berzakat, menunaikan fardu haji dan melakukan ibadat korban.

Bayangkan jika kita tidak bekerja, bukan saja tidak mampu untuk memenuhi tuntutan agama, malah keperluan diri sendiri pun tidak dapat ditampung.

Rumusan

Setiap bakal graduan bercita-cita mendapat pekerjaan yang terbaik selepas menamatkan pengajian. Individu mempunyai pelbagai tujuan apabila membabitkan diri dalam sesuatu kerjaya. Mereka bekerja kerana mencari sumber pendapatan, memenuhi minat, menguji kebolehan, mencari kepuasan, sokongan sosial, membina identiti diri dan harga diri, mencari kedudukan, memberi sumbangan serta memenuhi tuntutan agama.